

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Bertulis

**DARIPADA : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad
[Lipis]**

**SOALAN : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad
[Lipis] minta MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah
perancangan Kerajaan untuk meningkatkan
Industri Pertanian Rockmelon di Parlimen Lipis
memandangkan ianya mendapat sambutan
daripada pengusaha-pengusaha tanaman di Lipis.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) sedia maklum mengenai projek tanaman tembikai wangi atau *rockmelon* yang diusahakan oleh beberapa pengusaha di daerah Lipis. Di Kuala Lipis, *rockmelon* ini lebih dikenali dengan nama 'Medang Melon' sempena lokasi penanamannya di Kuala Medang, Kuala Lipis. Sehingga kini, terdapat 18 orang pengusaha telah melaksanakan tanaman *rockmelon* ini dengan melibatkan keluasan 4.20 hektar di bawah Jabatan Pertanian Negeri Pahang dan FAMA.

Bagi tahun 2016, seramai 5 orang peserta di daerah Lipis telah mendapat bantuan sebanyak RM77,110 di bawah Projek Pengeluaran Tanaman

Makanan Menggunakan Sistem Teknologi Fertigasi daripada Jabatan Pertanian. Antara tanaman yang diusahakan di bawah projek ini adalah *rockmelon* selain terung dan timun. Di bawah program ini, Kerajaan menyalurkan insentif kepada usahawan yang berminat meliputi pembersihan kawasan, infrastruktur ladang, penyediaan sistem fertigasi, bahan-bahan input serta jentera pertanian dan peralatan ladang.

Usahawan / petani tersebut juga akan dibimbing dan diberi latihan secara *hands-on* oleh Jabatan Pertanian. Di samping itu juga, galakan turut diberikan kepada para petani untuk melaksanakan projek tanaman mengikut Amalan Pertanian Baik (APB) bagi membolehkan persijilan kualiti tanaman iaitu MyGAP ataupun MyOrganic diperolehi agar hasil tanaman mudah menembusi pasaran dan mendapat harga yang terbaik.

Selain itu, FAMA melalui Program Ladang Kontrak menawarkan khidmat nasihat kepada pengusaha *rockmelon* serta jaminan pemasaran pengeluaran hasil pertanian berdasarkan kepada harga yang telah dipersetujui dalam perjanjian bersama. FAMA juga telah memperluaskan pemasaran *rockmelon* melalui pasaraya-pasaraya terpilih seperti GIANT, AEON dan ke luar negara melalui Agrobazaar Malaysia di Singapura.

Bagi menyokong pengusaha-pengusaha projek *rockmelon* di Kuala Medang, sokongan pemasaran oleh FAMA turut diberikan seperti bakul, kereta tolak dan alatan timbang. Selain itu, FAMA telah menganjurkan kursus-kursus kepada pengusaha seperti kursus Pengendalian Lepas Tuai, Kursus Rekod Ladang dan Amalan Penanaman Baik.

Kementerian ini akan terus bekerjasama dengan Kerajaan Negeri bagi mengenalpasti tapak-tapak yang bersesuaian bagi memperluaskan penanaman *rockmelon*.